

## BAB 6

### REAKSI, HALANGAN, CABARAN DAN PROSPEK MASA DEPAN POLITIK ISLAM DI TURKI

#### 6.1 Pendahuluan

Kemunculan kumpulan berhaluan Islam menerusi saluran politik dan demokrasi menimbulkan kecurigaan di kalangan pemerintah terhadap cita-cita menghidupkan kembali institusi Islam dalam kehidupan awam. Pelbagai halangan dikenakan ke atas kumpulan ini sebagai reaksi penentangan terhadap usaha tersebut. Walaupun begitu, penglibatan kumpulan Islamis dalam proses demokrasi masih mendapat sokongan sebahagian masyarakat, bukan sahaja kerana galakan oleh kumpulan ini terhadap dasar pembangunan Islam, bahkan juga keprihatinannya terhadap kebijakan dan masa depan negara yang lebih pesat. Proses penyesuaian Islam dalam sistem demokrasi semakin hebat diperkatakan oleh ahli akademik dan para penganalisa politik kontemporari. Penyertaan parti-parti yang mendukung aspirasi yang berasaskan Islam semakin mendapat tempat di negara-negara Timur Tengah dan Turki khasnya. Keadaan ini turut membantu meluaskan lagi potensi Islam dalam proses politik dan demokrasi yang amat bergantung kepada sikap dan pendekatan yang pragmatik bagi memenuhi tuntutan massa dan kepekaan terhadap dasar perlembagaan negara.

## **6.2 Reaksi Dan Halangan**

Program pembaratan dan sekularisasi yang diterapkan oleh Kemal Ataturk dalam proses pembinaan bangsa Turki moden didapati telah memisahkan masyarakat Islam dengan kehidupan politik melalui dasar yang menyekat hak masyarakat terhadap amalan agama mereka. Kemunculan MNP pada tahun 1970 merupakan reaksi politik terawal terhadap kegagalan sekularisasi mempertahankan budaya dan peradaban Islam sebagaimana diwarisi oleh Kerajaan Turki Uthmaniyyah sejak lebih enam ratus tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, kecenderungan menginstitusikan peradaban Islam termasuk dalam hal ehwal politik negara mendapat tentangan yang hebat di kalangan pemerintah terdiri daripada golongan tentera dan pendukung sekular yang sangat setia terhadap dasar dan reformasi Ataturk.

Beberapa siri penubuhan dan penutupan parti-parti politik Islam yang silih berganti iaitu, MNP, MSP, Refah Partisi dan Fazilet menggambarkan halangan dan realiti sebenar penentangan oleh pihak berkuasa terhadap kumpulan Islamis ini. Walaupun mendapat tentangan hebat daripada pemerintah, namun begitu, kemunculan parti berhaluan Islam ini dialu-alukan oleh sebahagian anggota masyarakat yang menganggap parti tersebut sebagai penyelamat dalam memperjuangkan tuntutan masyarakat Islam.

### **6.2.1 Pemerintah Tentera**

Pihak berkuasa Turki terutamanya, pemerintah tentera diketahui amat tegas dalam menegakkan dasar sekular dan perlembagaan negara. Mereka sememangnya tidak menyenangi kewujudan parti politik yang mendukung aspirasi Islam. Hasrat parti politik yang ingin menegakkan Islam dan budayanya dianggap mampu menggugat prinsip

sekular Turki. Oleh yang demikian, parti-parti ini dan para pemimpinnya sering menghadapi ancaman untuk ditutup dan diharamkan menyertai politik. Disebabkan tentang ini, kumpulan berhaluan Islam seringkali menghadapi kesukaran dalam meneruskan matlamat perjuangan mereka walaupun berada dalam sebuah negara yang berpegang kepada prinsip demokrasi. Pengharaman MNP pada tahun 1971, MSP pada tahun 1980, Refah pada tahun 1998 dan Fazilet pada tahun 2001 merupakan realiti yang terpaksa diterima oleh mereka akibat halangan daripada pihak pemerintah.

Peranan institusi ketenteraan dalam hal ehwal politik Turki merupakan satu keadaan yang tidak dapat dinafikan dan dipertikaikan oleh sesiapa. Sejak zaman Kerajaan Uthmaniyah, tentera diberi peranan yang penting dalam pentadbiran dan hal ehwal kenegaraan. Pada masa ini tiada perbezaan yang ketara di antara pentadbir awam dan tentera. Pemerintah negara juga memegang fungsi dalam ketenteraan dan pentadbiran.<sup>1</sup> Hanya selepas revolusi 1876, beberapa perubahan dalam teknologi ketenteraan melalui pendidikan telah mengakibatkan penyertaan tentera dalam politik secara pesat di samping reaksi mereka terhadap ketidakstabilan politik yang berlaku dalam Kerajaan Uthmaniyah.<sup>2</sup> Tugas dan fungsi tentera semakin penting apabila tentera diangkat sebagai pemelihara dasar sekular dan ideologi Kemalisme oleh Ataturk.<sup>3</sup> Profesionalisme dan imej tentera dimartabatkan melalui proses pendidikan dan pemodenan dengan meningkatkan teknologi dan kuasa politik tentera.<sup>4</sup> Malah tentera turut diberi peranan memastikan dasar yang diwariskan oleh Ataturk sentiasa dilaksanakan walaupun setelah kematiannya. Sekiranya didapati hal ehwal dalam negara diabaikan oleh pemerintah politik atau amalan kebiasaan dalam dasar sekular didapati terancam, pihak tentera

<sup>1</sup> Dankwart A. Rustow, "The Military in Middle Eastern Society and Politics", dalam Sydney Nettleton Fisher (ed.), *The Military in the Middle East*, (Ohio: Ohio State University Press, 1963) hlm. 17-18.

<sup>2</sup> William Hale, "The Turkish Army in Politics, 1960-73" dalam Andrew Finkel dan Nukhet Sirman (ed.), *Turkish State, Turkish Society*, (London: Routledge, 1989) hlm. 55-56.

<sup>3</sup> Ibid., hlm. 57.

<sup>4</sup> Dankwart A. Rustow, "The Military: Turkey" dalam Robert E. Ward dan Dankwart A. Rustow (ed.), *Political Modernization in Japan and Turkey*, (Princeton: Princeton University Press, 1964) hlm. 352-366.

dibenarkan mengambil tindakan sewajarnya atau campur tangan dalam politik bagi memulihkan keadaan.

Walaupun Ataturk telah menguatkuaskan Kanun Jenayah Tentera menerusi artikel 148 yang melarang penyertaan tentera dalam sebarang organisasi politik, namun usaha yang dilakukan ini tidak dilaksanakan sepenuhnya dan diumpamakan seperti melepaskan batuk di tangga. Jika diteliti artikel 35 yang terkandung dalam Kanun Perkhidmatan Luar Tentera Turki yang menyatakan bahawa "tugas pasukan tentera ialah mempertahankan dan memelihara wilayah Turki dan Republik Turki sebagaimana termaktub dalam perlembagaan"<sup>5</sup> ternyata ia seolah-olah mengabsahkan apa juga tindakan tentera walaupun ia mungkin bertentangan dengan prinsip demokrasi. Petikan artikel 35 di atas pernah digunakan oleh Kenan Evren selepas rampasan kuasa tentera 12 September 1980 sebagai alasan yang membenarkan kuasa mutlak pihak tentera untuk mengambil alih kerajaan.<sup>6</sup> Beberapa siri rampasan kuasa tentera pada tahun 1960, tahun 1970 dan tahun 1980 jelas membuktikan kedudukan pihak tentera dan keistimewaan kuasa status quo yang diberikan kepada mereka dalam hal ehwal politik dan pemerintahan. Lebih penting daripada itu, sentimen Islam yang dibangkitkan menerusi politik yang dikaitkan sebagai ancaman terhadap kewujudan dasar politik sekular dan perlembagaan negara, turut menjadi faktor terpenting yang menyebabkan tercetusnya campurtangan tentera pada tahun-tahun tersebut.

Menurut Umit Cizre, kuasa autonomi pemerintah tentera Turki dapat dilihat melalui institusi tentera itu sendiri sebagai sebuah badan profesional yang bertujuan memelihara perpaduan, kesatuan dan pemodenan negara. Matlamat ini akan dicapai

<sup>5</sup> Kuasa yang diberikan oleh perlembagaan kepada tentera berikut perubahan dalam artikel 35 iaitu, memperkuatkan kuasa kerajaan bagi menentang ancaman terhadap perpaduan, undang-undang awam, dan keselamatan negara; dan meningkatkan kuasa autonomi dan kebebasan tindakan oleh pihak tentera dengan cara yang lebih atau kurang bijaksana.

<sup>6</sup> William Hale, "The Turkish Army in Politics, 1960-73", hlm 56.

melalui kuasanya dalam membuat keputusan dan tindakan ketenteraannya. Sebagai sebuah badan profesional sudah pasti ia diberi kebebasan dalam membuat keputusan. Maka tidak mustahil ia mempertahankan matlamatnya untuk memiliki hak autonominya sendiri dan akan berubah menjadi satu badan yang menghadkan hak istimewa kerajaan dengan memperkuat kuasanya dalam membuat keputusan.<sup>7</sup> Untuk menjaga keprofesionalannya, pihak tentera mengambil langkah yang lebih proaktif yang mendorong badan itu meluaskan peranan politiknya selepas rampasan kuasa 1980.

Sementara itu, tentera juga mempunyai hak autonomi politik yang dapat dikenalpasti melalui kemampuan kuasa politiknya untuk pergi lebih jauh atau melampaui kuasa perlombagaan kerajaan yang dipilih secara demokratik, samada dalam pengaruh secara langsung atau tidak langsung ke atas kerajaan yang memerintah. Contoh interaksi antara kerajaan awam dan pihak tentera di Turki dalam tempoh peralihan ke proses demokrasi pada tahun 1983 menjelaskan pengaruh tidak langsung pihak tentera.<sup>8</sup> Kesannya, sejak tahun 1983 tentera telah menggunakan mekanisme dan faktor perlombagaan, perundangan, budaya dan sejarah untuk mempertahankan kedudukannya dalam membuat tuntutan, mencadangkan sesuatu dasar dan memberi amaran berhubung isu politik. Kedudukan istimewa pihak tentera ini telah membentuk teras yang membenarkan mereka untuk mencampuri dasar berkaitan politik dan kenegaraan.

Walau bagaimanapun, gambaran yang paling penting yang memperlihatkan pengaruh autonomi politik tentera Turki berbanding negara-negara dunia Ketiga yang lain ialah penerimaannya terhadap pemerintah yang dilantik oleh masyarakat awam dan

<sup>7</sup> Umit Cizre Sakallioğlu, "The Anatomy of the Turkish Military Political Autonomy", *Comparative Politics*, Vol. 29, No. 2, Januari 1997, hlm. 152.

<sup>8</sup> Kemal H. Karpat, "Military Interventions: Army-Civilian Relations in Turkey Before and After 1980" dalam Metin Heper dan Ahmet Evin (ed.), *State, Democracy and the Military Turkey in the 1980s*, (New York: Walter de Gruyter, 1988) hlm. 155-158; Umit Cizre Sakallioğlu, "The Anatomy of the Turkish Military Political Autonomy", hlm. 153.

demokrasi. Pemerintah tentera Turki tidak memusnahkan sempadan kerajaan awam-tentera, kerana bagi mereka menggunakan kuasa perundangan dan eksekutif secara langsung adalah suatu yang mustahil dan bertentangan dengan norma-norma demokrasi. Akan tetapi, kesan daripada hubungan tanpa sempadan antara pemerintah awam dan tentera menyebabkan penerimaan pihak tentera terhadap pemerintah secara sah dan dalam masa yang sama masih mengekalkan kuasa yang tidak menghalang mereka daripada menggunakan kedudukan di sebalik kepentingan politik mereka.<sup>9</sup> Salah satu cara yang berkesan ialah menggunakan kuasa perlembagaan mengikut kaca mata tentera selepas beberapa siri rampasan kuasa. Selain menghadkan hak dan kebebasan individu, perlembagaan 1982 juga telah mengukuhkan kuasa veto tentera dalam sistem politik di luar pengawasan kuasa pemerintah.

Kuasa autonomi tentera yang berada di sebalik tabir politik Turki juga dilihat melampaui sempadan politik. Justifikasi yang paling tepat bagi menggambarkan keadaan ini ialah pengiktirafan tentera sebagai “pemelihara sistem dan kepentingan negara”.<sup>10</sup> Alasan “menjaga kestabilan negara” ini sudah cukup untuk melindungi dan mengesahkan segala tindakan pihak tentera walaupun ia tidak disenangi oleh ahli politik dan pemerintah yang dipilih oleh rakyat. Walaupun begitu, terdapat juga sesetengah tindakan tentera yang seringkali dianggap sebagai membela kepentingan golongan kelas menengah atau penyelamat ekonomi negara.<sup>11</sup> Maka tidak hairanlah sekiranya peranan pihak tentera di Turki mendapat sokongan sebahagian anggota masyarakat, ahli politik dan golongan cendikiawan.

---

<sup>9</sup> Umit Cizre Sakallioglu, “The Anatomy of the Turkish Military Political Autonomy”, hlm. 158.

<sup>10</sup> George S. Harris, “The Role of the Military in Turkey in the 1980s: Guardians or Decision-Makers?”, dalam Metin Heper dan Ahmet Evin, *State, Democracy and the Military Turkey in the 1980s*, (New York: Walter de Gruyter, 1988) hlm. 190-191, 195.

<sup>11</sup> Kemal H. Karpat, “Military Interventions: Army-Civilian Relations in Turkey Before and After 1980”, hlm. 155-158. Umit Cizre Sakallioglu, “The Anatomy of the Turkish Military”, hlm. 158

Sehingga tahun 1980-an, jawatan eksklusif Presiden masih lagi dikuasai oleh pemerintah tertinggi tentera yang mempunyai kuasa pembatal (veto) dalam meminda perlembagaan,<sup>12</sup> sehinggalah perlantikan Turgut Ozal pada tahun 1989 dan menjadi orang awam kedua yang dilantik sebagai Presiden (selepas Bayar).<sup>13</sup> Selain itu, perlantikan lima orang pemerintah tertinggi tentera dalam Majlis Keselamatan Negara sebagai penasihat Presiden adalah untuk memelihara kepentingan tentera. Perlantikan lima anggota kanan tentera dalam Majlis Keselamatan Negara<sup>14</sup> bagi menentukan dasar luar negara Turki semasa kerajaan Erbakan-Ciller pada tahun 1996, membuktikan bahawa tentera mendapat kedudukan yang istimewa dalam menentukan dasar kerajaan.<sup>15</sup> Badan ini mempunyai hak dalam menentukan kurikulum di sekolah, menguatkuaskan tempoh masa siaran televisyen, menghapuskan kekebalan anggota parlimen di kalangan Parti Demokrasi (Kurdi), menutup stesyen televisyen serta parti politik dan sebagainya.<sup>16</sup>

Peranan tentera mempertahankan ideologi sekular dan Kemalisme negara tidak bererti bahawa pemimpin tentera Turki perlu mendukung demokrasi sebagaimana diamalkan dalam sesebuah kerajaan. Di bawah pemerintahan Ataturk sehinggalah pemulihan sistem demokrasi pada lewat tahun 1940-an, Kemalisme dilihat telah menjadi satu bentuk pemerintahan yang autokratik.<sup>17</sup> Dasar Kemalisme masih diteruskan oleh pengganti selepas beliau dengan penglibatan tentera dalam tiga rampasan kuasa politik terbesar sepanjang abad ke-20. Ini tidak termasuk campurtangan yang dilakukan oleh

<sup>12</sup> George S. Harris, "The Role of the Military in Turkey in the 1980s", hlm. 190-191, 195.

<sup>13</sup> Don Peretz, *The Middle East Today*, (London: Praeger, 1994) hlm. 197.

<sup>14</sup> Majlis Keselamatan Negara (NSC) dianggotai oleh lima pemerintah tertinggi tentera dan lima orang ahli politik termasuk Presiden dan Perdana Menteri. Lihat Gencor Ozcan dan Ofra Bengio, "The Decade of the Military in Turkey: The Case of the Alignment With Israel in 1990s", *International Journal of Turkish Studies*, Vol. 7, No. 1 & 2, Musim Bunga 2001, hlm. 91, 90-106.

<sup>15</sup> Lihat Bab 4.

<sup>16</sup> Umit Cizre Sakallioglu, "The Anatomy of the Turkish Military Political Autonomy", hlm. 158.

<sup>17</sup> Ben Lombardi, "Turkey-Return of the Reluctant Generals?", *Political Science Quarterly*, Vol. 112, No. 2, Musim Panas 1997, hlm. 191-215, 203.

pihak tentera untuk mengenakan tekanan ke atas pentadbiran Erbakan dan proses pengharaman Refah Partisi pada tahun 1997 serta penutupan Fazilet Partisi.<sup>18</sup>

Sememangnya diakui sejak Ataturk mengistiharkan Turki sebagai sebuah republik, beliau tidak berhasrat untuk menginstitusikan Islam dalam pentadbiran negara. Malah perkataan Islam dibuang dalam perlumbagaan dan digantikan dengan Turki sebagai sebuah negara sekular. Kebencian Ataturk kepada tradisi budaya Islam semakin terserlah apabila beliau menghapuskan sistem khalifah, badan-badan agama dan pakaian yang menggambarkan ketiaatan masyarakat terhadap Islam. Penubuhan negara sekular Turki menjelaskan pemisahan bidang agama dalam politik pemerintahan negara.

Walaupun begitu, sebagai pemelihara dasar Ataturk, pemerintah tentera Turki menyedari kepentingan Islam sebagai budaya yang tidak mungkin dipisahkan dalam kehidupan masyarakat. Sebagai contoh, selepas rampasan kuasa 1980 pihak tentera membenarkan hubungan erat Turki dengan negara-negara Islam sebagai rakan dagangan dan jalinan hubungan diplomatik yang lebih luas, membenarkan dasar yang meningkatkan lagi pembangunan Islam dalam pendidikan. Tambahan pula, tentera menyedari akan peranan Islam sebagai alat yang dapat digunakan bagi menentang keganasan.<sup>19</sup> Walau bagaimanapun, pemerintah tentera masih lagi melihat Islam dan organisasinya dengan perasaan curiga dan sangsi dengan mencetuskan hubungan yang tidak harmoni antara agama dan negara. Pihak pemerintah terus menentang gerakan-gerakan agama dengan menahan beberapa orang pemimpin yang dianggap ‘fundamentalis’, mengharamkan pertubuhan agama, cubaan kerajaan untuk mengawasi pembelajaran al-Quran dan agama

---

<sup>18</sup> Proses pengharaman Refah oleh pihak tentera disifatkan ramai pemerhati politik sebagai rampasan kuasa secara halus. Lihat Astora Jabat, “Tentera Hadapi Zaman Gelap di Turki”, *Utusan Malaysia*, 21 Julai 1997; Ben Lombardi, “Turkey-Return of the Reluctant Generals?”, hlm. 207.

<sup>19</sup> Jeremy Salt, “Nationalism and the Rise of Muslim Sentiment in Turkey”, *Middle Eastern Studies*, Vol. 31, No. 1, Januari 1995, hlm. 16-21.

serta meneliti secara ketat segala ucapan khutbah yang disampaikan di masjid-masjid.<sup>20</sup> Penahanan dan pengharaman Erbakan serta beberapa pemimpin parti yang pernah ditubuhkan oleh beliau jelas memperlihatkan kegusaran pemerintah terhadap kumpulan berhaluan Islam.

Keterangan di atas dapat menjelaskan peranan yang dimainkan pihak tentera sebagai pemelihara sistem tradisi Turki dan mentor yang berperanan dalam menentukan dasar dan keputusan pemerintah semasa. Kedudukan ini secara tidak langsung menjadi penghalang kepada segala cita-cita untuk mengembalikan peradaban Islam dalam kehidupan awam.

#### **6.2.2 Masyarakat Islam dan Pecahan Parti**

Penyertaan kumpulan yang memperjuangkan aspirasi Islam dalam politik Turki mendapat reaksi positif daripada sebahagian masyarakat yang prihatin terhadap masa depan agama dan amalan budaya mereka, walaupun situasi ini tidak disenangi oleh pemerintah. Jika diteliti prestasi MSP, Refah, Fazilet dan AKP dalam pilihan raya yang diadakan ternyata sokongan yang diberikan terhadap mereka amat menggalakkan. Golongan yang memberikan undian kepada kumpulan ini tidak hanya terdiri daripada lepasan pendidikan agama, bahkan juga tergolong daripada kumpulan profesional, ahli peniagaan, pengusaha kecil, kakitangan kerajaan, guru-guru dan masyarakat petani dan awam. Selain itu, sokongan yang diberikan turut meliputi kawasan luar bandar khususnya, wilayah yang diduduki oleh masyarakat Kurdi, dan kawasan bandar-bandar besar seperti Istanbul, Ankara, Izmir, Bursa, Diyabakir, Erzurum, Kayseri, Konya, Van, Sivas, Urfa, Adana dan

---

<sup>20</sup> Sencer Ayata, "The Rise of Islamic Fundamentalism and Its Institutional Framework", dalam Atilla Eralp, Muharrem Tunay dan Birol Yesilada, (ed.), *The Political and Socioeconomic Transformation of Turkey*, (London: Praeger, 1993) hlm. 64. George S. Harris, "The Role of the Military in Turkey in the 1980s", hlm. 195.

lain-lain. Keprihatinan dan kewibawaan kumpulan Islamis dalam menangani kemelut dan permasalahan rakyat dapat mempengaruhi sokongan masyarakat terhadap mereka. Ini dibuktikan melalui undian yang diberikan oleh rakyat setiap kali pilihan raya diadakan. Walaupun undian terhadap Saadet Partisi merosot dalam pilihan raya 2002 yang lalu, namun sokongan terhadap AKP amat mengagumkan.

Selepas pengharaman Fazilet Partisi kumpulan yang mendukung aspirasi Islam berpecah kepada dua kumpulan. Masing-masing menubuhkan parti mereka sendiri. Saedat yang dipimpin oleh Erbakan masih meneruskan corak dan pendekatan yang konservatif, manakala AKP pimpinan Erdogan cuba membawa pembaharuan yang lebih sederhana dan moden yang menerima penyertaan dari kumpulan sekular yang lain. Walaupun kedua-dua parti ini berbeza haluan dan pendekatan, namun asas pemikiran mereka adalah sama iaitu menyesuaikan Islam dalam sistem demokrasi dengan cara yang dapat diterima oleh masyarakat Turki moden.

Perbezaan pandangan antara Erbakan dan Erdogan dalam beberapa isu, tidak membawa permusuhan. Segala pandangan dan kritikan umpama teguran antara seorang abang dan adik kerana kedua-duanya masih saling menghormati antara satu sama lain. Selepas kemenangan AKP dalam pilihan raya November 2002 yang lalu, Erbakan sempat mengucapkan tahniah di atas kejayaan Erdogan menubuhkan kerajaannya. Walaupun mengalami kekalahan yang agak teruk dalam pilihan raya ini dengan hanya memperolehi 2.5 peratus undi, Erbakan telah menyatakan kesediaannya untuk turut serta membantu kerajaan AKP membangunkan negara sama ada dalam pembangunan ekonomi maupun pembangunan kerohanian.<sup>21</sup> Ternyata hubungan antara kedua kumpulan ini masih baik walaupun berbeza pendekatan dan pandangan berhubung peranan politik dan agama.

---

<sup>21</sup> "Erbakan Wishes Success to AKP Government", *Turkish Daily News*, 23 November 2002, hlm. 5.

### **6.3 Islam Dan Demokrasi Ke Arah Perubahan Yang Praktik**

Kebanyakan sarjana Islam dan Barat bersetuju bahawa konsep politik dan pemerintahan dalam Islam dengan demokrasi mempunyai perbezaan yang amat ketara samada dari segi prinsip dan perlaksanaannya.<sup>22</sup> Namun begitu, para cendikiawan Islam cuba mencari dan menyesuaikan titik pertemuan di antara kedua-dua konsep ini, melihat kepada cabaran order dunia baru yang terpaksa dihadapi oleh kebanyakan dunia Islam kini. Walaupun negara-negara Islam dan dunia Arab kini telah mencapai kemerdekaan daripada penjajahan kuasa asing, namun secara praktisnya, politik, budaya dan pemikiran Barat masih terus berakar umbi dalam masyarakat. Tambahan pula, pengenalan konsep demokrasi sejagat yang dibawa oleh Barat mengabsahkan lagi dominasi kuasa besar itu ke atas dunia lain.

Penerimaan terhadap demokrasi sebagai asas politik yang sah kian meluas dan disambut baik oleh masyarakat Islam, bermula dengan penyertaan kumpulan yang membawa inspirasi Islam dalam proses politik. Umat Islam percaya bahawa kebangkitan Islam melalui proses demokrasi dapat saling melengkapi. Walaupun beberapa prinsip utama seperti Tauhid, Risalah dan Khilafah masih dijadikan asas dalam memahami Islam dalam politik dan pemerintahan,<sup>23</sup> namun konsep seperti *syura* dan *ijmak* telah diperluaskan pentafsirannya bagi menerima konsep demokrasi secara terbuka.<sup>24</sup>

Suasana politik di Turki yang hanya menerima pakai konsep satu parti dan satu ideologi pemikiran yang sekular dalam politik dan kenegaraan telah meningkatkan

<sup>22</sup> Lihat Khurshid Ahmad, "Islam and Democracy: Some Conceptual and Contemporary Dimensions", *The Muslim World*, Vol. 90, No. 1 & 2, Musim Bunga 2000, hlm. 1-16. John L. Esposito dan John O. Voll, *Islam and Democracy*, (Oxford: Oxford University Press, 1996) hlm. 14.

<sup>23</sup> John L. Esposito dan John O. Voll, *Islam and Democracy*, hlm. 21-26.

<sup>24</sup> Ali R. Abootalebi, "Islam, Islamists and Democracy", *Middle East Review of International Affairs*, Vol. 3, No. 1, Mac 1999, hlm. 2.

potensi kemunculan suara-suara yang ingin mempertahankan hak dan kepentingan agama dalam masyarakat. Parti Demokrat yang memenangi pilihan raya tahun 1950 telah memberi perhatian kepada isu yang menyentuh kepentingan agama dan masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, Islam telah dijelmakan dalam bentuk politik yang sah buat pertama kalinya di Turki setelah penubuhan MNP pada tahun 1970. Gagasan perlaksanaan Islam secara menyeluruh diperkenalkan oleh MNP sebagai alternatif yang paling praktikal dan dinamik kepada dasar negara sedia ada.

Parti-parti berhaluan Islam yang muncul silih berganti telah memperlihatkan kematangan mereka dalam memahami situasi politik semasa dan dasar perlembagaan negara. Sikap prakmatik mereka dalam mengenangkan isu agama dan pembangunan masyarakat merupakan simbolik kepada kejayaan Islam dalam proses demokrasi di Turki sepanjang tahun 1970 sehingga tahun 2003.

Pada peringkat permulaan, Milli Nizam Partisi tidak dapat melaksanakan hasratnya sebagai sebuah parti politik yang bebas setelah dibubarkan oleh pelembagaan berikutan rampasan kuasa tentera pada tahun 1971. Namun perjuangan MNP diteruskan oleh para pendukung parti dengan tertubuhnya Milli Selamet Partisi pada tahun 1972. Kemunculan MSP sebagai parti politik ketiga terbesar di Turki membuka lembaran baru kepada interaksi yang lebih harmoni antara politik berasaskan Islam dengan sistem kerajaan sedia ada. Kemampuan yang ditunjukkan oleh MSP bukan sahaja sebagai pakatan politik yang berperanan dalam menentukan dasar negara, bahkan juga sebagai pengimbang dalam kerajaan campuran yang dibentuk. MSP telah berjaya memainkan peranannya yang penting dengan pakatan kerajaan campuran yang terdiri daripada

pelbagai aliran politik, sama ada kiri maupun kanan.<sup>25</sup> Sepanjang menyertai kerajaan campuran bersama CHP, AP dan MHP, MSP berjaya meluluskan beberapa program pembangunan Islam melalui dasar toleransi, kerjasama dan persefahaman antara prinsip pelbagai parti. Tidak dapat dinafikan dasar dan seruan terhadap perlaksanaan Islam oleh Erbakan agak lantang dan keras yang kadang-kala terbawa-bawa dengan sentimen para penyokongnya dalam setiap perhimpunan politik parti tersebut. Namun begitu, Erbakan lebih berhati-hati mengulas isu Islam ketika berada dalam kerajaan di samping mengambilkira prinsip rakan dalam pakatan kerajaan. Gagasan keadilan ekonomi dan pembangunan moral dijadikan isu sejagat berbanding menggunakan tema Islam secara langsung. Walaupun berada dalam kerajaan dalam tempoh yang singkat, MSP berjaya menjadi parti yang berperanan dalam menentukan kesinambungan sesebuah kerajaan campuran.

Manakala Refah Partisi yang ditubuhkan selepas rampasan kuasa 1980, semakin bersikap terbuka dan prakmatik dalam melaksanakan wawasan pembangunan Islam. Gagasan Milli Görüs yang diperjuangkan oleh MSP diperluaskan konsepnya tidak hanya untuk kepentingan dalam negara bahkan juga hubungannya dengan dunia luar. Tumpuan Refah adalah untuk membangunkan ekonomi Turki secara seimbang antara kepesatan sektor industri dalam dan luar negara. Mesej-mesej kebajikan sosial sering dititikberatkan oleh kepimpinan Refah melalui perkhidmatan yang disediakan di peringkat pentadbiran parti. Tambahan pula, penguasaan Refah di kebanyakan majlis perbandaran utama banyak memberi peluang kepada Refah untuk lebih mendekati dan menyelami masalah masyarakat. Kecemerlangan pentadbiran majlis perbandaran yang diwakili oleh Refah

---

<sup>25</sup> Lihat Metin Heper dan Filiz Baskan, "The Politics of Coalition Government in Turkey, 1961-1999: Toward a Paradigmatic Change?", *International Journal of Turkish Studies*, Vol. 7, No. 1 & 2, Musim Bunga 2001, hlm. 72-75, 83.

membuktikan bahawa kumpulan berhaluan Islam mampu memikul amanah dengan penuh rasa tanggungjawab apabila diberi peluang mentadbir negara.

Selain prihatin terhadap kebajikan sosial, parti berhaluan Islam juga telah membuktikan kemampuannya sebagai kumpulan yang boleh bertoleransi dengan parti sekular lain. Refah pernah menjalinkan kerjasama dengan *Milliyetci Calisma Partisi* (MCP, Parti Tindakan Kebangsaan) pimpinan Devlet Bahceli dalam pilihan raya majlis perbandaran tahun 1991. Hasil pakatan tersebut, RP-MCP berjaya memperolehi 16.9 peratus undi. Selari dengan keputusan tersebut, Refah berjaya menguasai 43 buah parlimen manakala MCP memperolehi 19 buah parlimen.<sup>26</sup> Refah juga telah membuktikan kemampuannya bekerjasama dengan DYP ketika mengetuai kerajaan campuran pada Jun 1996. Sikap yang sama turut diambil oleh kepimpinan AKP yang diterajui oleh Erdogan yang membenarkan penyertaan pelbagai aliran parti dalam AKP. Dasar terbuka, kompromi dan toleransi yang diamalkan oleh AKP, saling menghormati pandangan dan prinsip ahli-ahlinya. Walaupun berbeza latar belakang politik, namun mereka dapat menjalinkan hubungan dan kerjasama sesama ahli ke arah mencapai kesepakatan dan keharmonian dalam membangunkan Turki sebagai sebuah negara moden, demokratik dan adil. Bagi AKP kepelbagaian merupakan satu yang dapat memperkayakan lagi budaya dan persekitaran masyarakat. Inilah keunikan AKP yang dapat mewujudkan persefahaman dan toleransi dengan kepelbagaian yang wujud dalam parti. Pakatan ini memperlihatkan bahawa perbezaan pemikiran politik tidak menghalang kumpulan berhaluan Islam daripada mewujudkan hubungan dan suasana politik yang harmoni dengan parti-parti politik yang lain.

---

<sup>26</sup> Lihat M. Hakan Yavuz, *The Politics of Fear: The Rise of the Nationalist Action Party (MHP) in Turkey, Middle East Journal*, Vol. 56, No. 2, Musim Bunga 2002, hlm. 207-208.

Tema yang digunakan oleh MNP, MSP, Refah, Fazilet, Saadet dan AKP teryata bersifat dinamik dan prakmatik dalam suasana masyarakat dan politik semasa. Milli Gorus yang digunakan MNP, MSP, Refah, Fazilet dan Saadet jelas memperlihatkan bahawa wawasan yang dibina oleh kumpulan ini tidak hanya tertumpu kepada pembangunan rohani dan moral, bahkan turut meliputi aspek ekonomi dan pembangunan fizikal. Malah, ketika diberi peluang berada dalam kerajaan, MSP dan Refah lebih memberikan perhatiannya terhadap kemajuan ekonomi, memandangkan situasi ekonomi negara antara tahun 1977-1979 dan 1996-1997 yang agak membimbangkan. Walaupun tumpuan terhadap hubungan perdagangan bersama negara-negara Islam masih diteruskan, Erbakan tidak menolak sebarang hubungan dengan Kesatuan Eropah (EU). Beliau bersetuju bekerjasama dengan Barat setelah melihat potensi masa depan dan peluang ekonomi yang bakal diperolehi oleh Turki hasil hubungan dan penyertaan Turki dengan badan tersebut. Prinsip yang sama turut diambil oleh Fazilet, Saadet dan AKP.<sup>27</sup> Para memimpin parti bukan sahaja menyedari peluang yang mungkin dicapai melalui kerjasama ekonominya dengan Barat,<sup>28</sup> tetapi turut peka terhadap kehendak masyarakatnya yang inginkan jalinan yang lebih erat bersama Barat.

Parti yang dipimpin oleh Erbakan dan Erdogan juga lebih menumpukan perhatian terhadap perjuangan kebebasan hak asasi, demokrasi, keadilan sosial yang menuntut kesedaran masyarakat terhadap agama dan keprihatinan mereka terhadap tanggungjawab membina dan membangunkan negara. Kedua-dua pemimpin ini masih meneruskan usaha memartabatkan hak asasi manusia melalui perundangan dan proses politik yang wujud dalam negara. Kesungguhan Erdogan melaksanakan hak asasi, demokrasi dan perubahan politik menerusi Pakej Pemulihan Ketujuh yang giat diusahakan oleh beliau kini, jelas

<sup>27</sup> Lihat Recep Boztemur, "Political Islam in Secular Turkey in 2000: Change in the Rethoric Towards Westernization, Human Rights and Democracy", *International Journal of Turkish Studies*, Vol. 7, No. 1 & 2, Musim Bunga 2001, hlm. 125-135.

<sup>28</sup> Lihat David Barchard, *Turkey and the West*, (London: Routledge & Kegan Paul, 1990) hlm. 1-9, 45.

menunjukkan bahawa kerajaan AKP amat prihatin terhadap hak, kebebasan dan kehendak rakyatnya di samping berusaha meyakinkan negara anggota EU terhadap kesungguhan Turki mengamalkan demokrasi dan menyertai badan ekonomi dunia tersebut.

Dalam usaha mengelakkan ketegangan daripada pemerintah dan tentera, parti berhaluan Islam terpaksa mengambil sikap yang lebih bertolak-ansur terhadap dasar sekularisme negara. Sebaik sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri, Erbakan telah mengumumkan bahawa beliau tetap akan meneruskan dasar sekular yang diamalkan oleh Turki, walaupun diketahui sebelum ini beliau amat menentang keras dasar tersebut. Tindakan yang sama turut dilakukan oleh Erdogan sebaik sahaja menujuhkan parti barunya, AKP. Potret Kemal Ataturk telah diletakkan bagi menghiasi latar belakang pentas perhimpunan parti. Erdogan juga mengambil inisiatif menziarahi makam Ataturk beberapa hari selepas AKP ditubuhkan bagi memperlihatkan penghormatannya terhadap Bapa Pembangunan Turki Moden itu.<sup>29</sup> Tindakan sedemikian memperlihatkan sikap tolak ansur kumpulan Islamis terhadap dasar negara yang selama ini amat diragui oleh pemerintah dan pihak tentera.

Pendekatan yang praktik juga dilaksanakan agar dapat mengelak daripada sebarang campurtangan tentera ke atas parti atau kerajaan yang diwakili oleh kumpulan Islamis. Kerajaan Turki pimpinan Erdogan telah mengambil langkah berhati-hati dalam menentukan dasar dan perlaksanaan pembangunan negara, khususnya dasar yang berkaitan dengan pembangunan Islam ketika mengambil alih kerajaan. Walaupun perlaksanaan program pembangunan Islam agak perlahan, namun langkah yang diambil oleh Erdogan ini merupakan tindakan terbaik untuk memastikan kesinambungan parti dan kerajaan yang dipimpinnya. Tindakan ini nyata berbeza dengan langkah yang diambil

---

<sup>29</sup> "Old Dog, New Tricks?", *Al-Ahram Weekly*, No. 548, 23-29 Ogos 2001, hlm. 2.

oleh Erbakan ketika mengambil alih kerajaan pada Jun 1996. Tanpa menghiraukan sentimen daripada pihak tentera, Erbakan telah mengisyiharkan pemerintahan Islam dalam kerajaan dengan beberapa usaha yang mampu menggugat dasar perlombagaan Turki. Tindakan drastik ini terbukti mengundang padah terhadap kerajaan Erbakan apabila pihak tentera bertindak mencampuri hal ehwal politik kerajaan dan mengharamkan parti yang diwakilinya. Sebaliknya, kerajaan AKP kini agak berhati-hati ketika menjalankan dasar yang berkaitan dengan Islam. Walaupun begitu, kerajaannya masih terus bertahan sehingga kini tanpa melibatkan campurtangan tentera secara langsung. Dengan itu, pendekatan yang diambil oleh sesebuah parti politik Islam mampu menentukan kesinambungan parti dan kerajaan yang diwakilinya.

Keterangan di atas jelas membuktikan bahawa parti-parti politik berhaluan Islam telah mengambil sikap yang positif dan prakmatik dalam melaksanakan dasar yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat dan negara. Sikap yang dipamerkan ini secara langsung menyangkal dakwaan yang menyatakan bahawa politik yang mendukung aspirasi Islam sebagai ancaman terbesar demokrasi di Turki.<sup>30</sup> Kemampuan kumpulan ini menyesuaikan pendekatan parti dengan kehendak dan situasi masyarakat dapat menjelaskan bahawa mereka lebih mementingkan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat sama ada dalam bentuk pembangunan yang bersifat kerohanian mahupun pembangunan jasmani.

---

<sup>30</sup> Lihat kenyataan Ziya Onis, "Turkey, Europe and Paradoxes of Identity: Perspectives on the International Context of Democratization", *Mediterranean Quarterly*, Vol 10, No. 3, 1999, hlm. 107-136, 109.

#### **6.4 Cabaran Dan Prospek Masa Depan Politik Islam**

Potensi aspirasi politik Islam untuk mendapat tentangan daripada pihak pemerintah amatlah tinggi. Ini kerana demokrasi yang diamalkan oleh Turki masih belum menjamin bahawa perjuangan politik Islam dapat diteruskan tanpa sebarang halangan. Amalan demokrasi oleh perlembagaan Turki masih lagi berada dalam ruang lingkup yang terbatas mengikut tafsiran yang difahami pihak tentera dan kumpulan elit pemerintah.<sup>31</sup> Islam diberi ruang dalam demokrasi hanya kerana hak kebebasannya dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi ala-Barat atau memperlihatkan sikap liberal Turki dalam politik, bukan kerana Turki sebagai sebuah negara yang sekular. Walaupun birokrasi pihak berkuasa boleh menjadi penghalang kepada hasrat memartabatkan peradaban Islam, namun sistem demokrasi Turki masih memberi ruang kepada kumpulan Islamis untuk merancakkan lagi suasana politik negara disebabkan beberapa kelonggaran yang diberikan kepada pertubuhan politik.

Dalam suasana yang serba terbatas ini, parti politik berhaluan Islam adakalanya terpaksa menghadapi kesukaran dan cabaran dalam memperjuangkan peradaban Islam apabila berhadapan dengan dasar sekular yang melarang sentimen keagamaan dimainkan dalam masyarakat. Kumpulan Islamis dilihat berada dalam dilema antara mempertahankan prinsip asal perjuangannya dengan perkara yang berkaitan komitmennya terhadap hak-hak asasi dalam agama yang dianggap boleh mengundang konflik terhadap dasar negara. Isu-isu peribadi dalam agama seperti pemakaian tudung kepala sama ada di kalangan kakitangan awam, ahli politik dalam kerajaan, pertubuhan politik atau anggota parlimen dan penuntut institusi pendidikan dikatakan boleh membangkitkan sentimen fundamentalis terhadap perlembagaan negara. Sebagai contoh,

---

<sup>31</sup> Keterangan lanjut lihat C. H. Dodd, *The Crisis of Turkish Democracy*, (Wistow Huntington: The Eothen Press, 1990) hlm. 126-139.

AKP pernah diberi amaran oleh Pendakwa Raya supaya melucutkan enam anggota pengasas wanita parti tersebut yang didapati bertudung.<sup>32</sup>

Pendukung politik Islam juga terpaksa berhadapan dengan cabaran untuk menyesuaikan dirinya dengan sistem demokrasi dan mengelak sebarang konflik dengan birokrasi tentera serta regim pemerintah yang diketahui terlalu sensitif terhadap isu yang boleh menggugat dasar Ataturk. Dalam masa yang sama pendukung ini perlu memikirkan cara terbaik yang dapat menjamin kebebasan aktiviti agama dan kebebasan tindakan dalam masyarakat. Umpamanya mempertahankan kewujudan sekolah-sekolah agama yang semakin dihadkan pengambilannya dari masa ke semasa oleh kerajaan.<sup>33</sup> Sekatan ini bukan sahaja dapat menghakis pengetahuan dan pegangan generasi muda terhadap Islam bahkan memberi impak yang cukup besar terhadap kesinambungan institusi pendidikan Islam dalam masyarakat Turki. Sementara itu, gesaan terhadap hak asasi manusia dan amalan demokrasi di kalangan rakyat semakin meningkat. Selain terpaksa memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Barat untuk menganggotai EU, usaha ini juga mampu menggugat kuasa dan menimbulkan ketegangan dengan pihak tentera.

Dalam proses demokrasi, kemenangan bagi sesebuah badan politik adalah apabila dapat mencapai suara majoriti rakyat. Untuk itu, sesebuah parti politik Islam perlu memastikan kemenangannya dalam proses demokrasi dan pilihan raya. Oleh kerana persaingan yang sengit antara pelbagai parti politik, kumpulan berhaluan Islam memerlukan tahap pengaruh sekitar 21 hingga 25 peratus untuk mendapatkan kuasa. Walaupun kumpulan ini mampu melepassi tahap tersebut, namun keengganannya pihak berkuasa melepaskan tumpuk kekuasaan kepada kumpulan Islamis mencetuskan konflik yang menggugat kestabilan politik, walaupun terbukti mereka mampu melaksanakan

---

<sup>32</sup> "Turkish Travails", *Al-Ahram Weekly*, 6-12 September 2001, hlm. 2.

<sup>33</sup> "Turkey's Secular Rulers Muzzle Islamic Groups", *New Straits Times*, 13 Feb. 1998.

tanggungjawab dengan baik dan boleh disandarkan kepercayaan apabila diberi peluang mentadbir negara. Pemimpin AKP Recep Tayyip Erdogan dan Erbakan pernah dihalang menyertai pilihan raya November lalu, berikutan kebimbangan pihak berkuasa terhadap kebangkitan Islam. Halangan terhadap kumpulan berhaluan Islam untuk membuktikan pengaruh mereka dalam pilihan raya ternyata satu insiden cukup memalukan dalam proses demokrasi. Pilihan raya merupakan kemuncak kepada semua proses demokrasi kerana ia cuba mengaplikasikan proses-proses lain dalam sistem politik Barat, termasuk persamaan politik dan keadilan, kebebasan memilih dan bersuara.<sup>34</sup> Namun situasi yang berlaku di Turki adalah suatu peristiwa yang diluar batas demokrasi sebenar dan ia sudah pasti satu cabaran buat golongan Islamis.


Kemenangan AKP dalam pilihan raya 2002 lalu merupakan kejayaan yang cukup bermakna kepada kumpulan Islamis selama aspirasi Islam berada dalam proses politik. Walaupun usaha mendapatkan sokongan majoriti ataupun pemerintahan bukan suatu perkara yang boleh dianggap mudah, lebih sukar lagi bagi AKP mempertahankan prestasinya yang cemerlang dalam pilihan raya akan datang apabila harapan yang tinggi diletakkan ke atas kerajaannya bagi memulihkan keadaan negara sedia ada. Kerajaan pimpinan Erdogan perlu mencari kaedah yang terbaik untuk mengisi kemenangan ini agar slogan keadilan yang dilaungkan sebelum ini tidak hanya tinggal janji-janji kosong. Lebih dari itu, ia mengukur kemampuan sebenar kumpulan moderat Islam dalam menangani isu dalam dan luar negara secara baik dan bijaksana. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab dengan baik sudah pasti boleh menjelas imej Islam dan politik. Akibatnya, tidak mustahil masyarakat Turki akan kembali mengekalkan status quo yang wujud yang dianggap agak baik berbanding kumpulan yang diharapkan melaksanakan kebijakan masyarakat Islam.

---

<sup>34</sup> Mohd Izani Mohd Zain, "Pengaruh Politik Turki Boleh Cetus Konflik Islam, Barat", *Berita Harian*, 27 November 2002, hlm. 10.

Islam mempunyai masa depan yang cerah dalam sistem demokrasi di Turki. Namun begitu ia bergantung kepada kemampuan sesebuah parti politik itu menangani isu-isu semasa dan kepekaan mereka terhadap keperluan dan kehendak popular masyarakat tempatan. Pengalaman parti-parti politik berhaluan Islam dalam proses politik memperlihatkan bahawa golongan yang mendukung aspirasi Islam dapat meningkatkan rekod yang cemerlang dalam setiap kali pilihan raya diadakan. Prestasi parti berhaluan Islam dalam proses demokrasi dapat dianalisis menerusi rajah di bawah:

**JADUAL 6.1: Prestasi Parti Berhaluan Islam Dalam Pilihan Raya Majlis dan Parlimen**



CARTA 6.1: Prestasi Parti Berhaluan Islam Dalam Pilihan Raya 1973-2002

Gambarajah di atas jelas menunjukkan bahawa penglibatan unsur Islam dalam proses demokrasi mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan masyarakat. Walaupun prestasi MSP menunjukkan penurunan pada pilihan raya 1977 kepada 8.5 peratus dan seterusnya merosot pada awal penyertaan Refah dalam pilihan raya majlis 1984, namun sokongan terhadap kumpulan aspirasi Islam meningkat kembali dalam setiap pilihan raya yang disertainya bermula daripada pilihan raya 1987 dan 1989 dengan memperolehi 7.2 peratus dan 9.8 peratus undi sehingga mencapai 21.32 peratus undi dalam pilihan raya 1995 yang membawa Refah kepada penubuhan kerajaan campuran dalam tahun 1996. Sokongan terhadap kumpulan aspirasi Islam merosot kembali apabila Fazilet hanya dapat memperolehi undian sebanyak 15.38 peratus dalam pilihan raya 1999 akibat pengharaman Refah dan isu membabitkan tekanan pihak tentera ke atas kerajaan Erbakan-Ciller yang pro-Islam.

Kemuncak kepada kemenangan terhadap kumpulan yang membawa aspirasi Islam ialah dengan kejayaan AKP yang meraih 34.3 peratus dalam pilihan raya pada 3 November 2002. Kemenangan ini jauh lebih tinggi berbanding pencapaian yang diperolehi oleh Refah dalam pilihan raya 1995. Imej moderat dan dasar terbuka kumpulan reformis Islam yang semakin disenangi pelbagai pihak termasuk golongan sekular, menjadi faktor penting kejayaan AKP dalam pilihan raya 2002 lalu. Kegagalan Saadet dalam pilihan raya 2002 tanpa mendapat sebarang kerusi Parlimen merupakan satu tamparan hebat dan pengiktibaran kepada kepimpinannya untuk menilai semula corak pendekatan parti agar lebih mudah didekati oleh semua pihak dengan penampilan yang serba boleh.

Kemenangan AKP tidak bermakna ianya selari dengan kesedaran masyarakat terhadap Islam. Masyarakat Turki pada umumnya masih memberikan komitmennya terhadap gaya hidup dan hubungan dengan Barat.<sup>35</sup> Namun begitu, kesederhanaan nilai Islam yang dibawa oleh AKP setelah disesuaikan dengan persekitaran politik semasa, telah diterima dengan baik oleh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai fahaman politik dan budaya. Di samping bijak meneliti keutamaan dalam masyarakat, AKP juga berjaya menggunakan elemen kesejagatan Islam yang sentiasa bersifat adil, telus, bergerak maju dan bertolak-ansur dalam mencapai proses pembangunan negara. Selain faktor kekecewaan rakyat terhadap dasar dan janji kosong parti sekular DYP dan ANAP, keyakinan masyarakat terhadap kepimpinan AKP khususnya, dan kumpulan aspirasi Islam umumnya dalam mewujudkan kestabilan ekonomi dan politik memperlihatkan bahawa Islam mempunyai peluang yang cerah dalam proses politik dan demokrasi di Turki selagi demokrasi diamalkan dalam erti kata sebenar.

Keadaan ini memberi satu gambaran yang jelas bahawa mesej Islam dalam proses demokrasi masih menjadi elemen penting dalam politik Turki. Walaupun begitu, elemen Islam ini perlulah ditampilkan dalam suasana persekitaran yang harmoni tanpa mewujudkan sebarang konflik terhadap dasar sekular negara. Selain itu, sesebuah parti politik perlu peka terhadap isu dan permasalahan masyarakat untuk memastikannya sentiasa menjadi pilihan di hati masyarakat.

---

<sup>35</sup> Erkan Erdoglu, "Turkey and Europe: Undivided but Not United", *Middle East Review of International Affairs*, Vol. 6, No. 2, Jun 2002, hlm. 1-12.

## **6.5 Kesimpulan**

Sepanjang penglibatan kumpulan aspirasi Islam dalam proses politik dari tahun 1970 hingga tahun 2003, kumpulan ini berjaya membuktikan kepada dunia politik Turki bahawa Islam masih menjadi isu penting dalam masyarakat Turki dalam usaha memartabatkan peradaban Turki moden. Sokongan yang diberikan oleh rakyat terhadap golongan ini dalam setiap pilihan raya yang diadakan memperlihatkan kesedaran terhadap nilai kesejahteraan Islam untuk mewujudkan kesejahteraan, keadilan dan menentukan masa depan negara. Walau bagaimanapun, penyertaan elemen Islam ini tidak sunyi daripada menghadapi pelbagai cabaran dan ranjau sepanjang memperjuangkan peradaban Islam dalam masyarakat dan beraksi di pentas politik Turki.

Masa depan peradaban Islam dalam proses politik di Turki bergantung kepada toleransi yang diberikan oleh pemerintah terhadap elemen ini. Kewujudan elemen Islam ini sebenarnya menentukan sifat demokrasi yang diamalkan di Turki, sama ada ia mampu dan berjaya berfungsi dengan baik ataupun sebaliknya. Walaupun begitu, kemampuan sesebuah parti berhaluan Islam menyesuaikan elemen Islam dengan demokrasi boleh menjadi kayu pengukur yang menentukan kesinambungan politik berunsurkan Islam. Sehingga sebuah parti berhaluan Islam berjaya bertindak sebagai gerakan politik yang serba boleh, samada dalam menilai persekitaran politik semasa ataupun memenuhi kehendak dan tuntutan masyarakat setempat.

## BAB

### KESIMPULAN

Kemerosotan yang menyelubungi peradaban masyarakat Islam lantaran impak kolonialisasi dan pembaratan oleh Barat mendorong kemunculan gerakan kesedaran masyarakat. Kepimpinan gerakan umat Islam semakin sedar bahawa umat Islam perlu kembali kepada ajaran sebenar dan menjadikan model kesyumannan Islam semasa zaman keagungannya sebagai satu momentum untuk membebaskan ummah dari segala belenggu kejumudan dan kemunduran. Pelbagai metodologi digunakan bagi menimbulkan kesedaran ini. Sebahagian gerakan masyarakat mengambil pendekatan pemulihian kerohanian, manakala sebahagiannya pula menggunakan pendekatan pendidikan dan kemasyarakatan.

Walaupun begitu, bahang kebangkitan ini semakin dirasakan menjelang awal tahun 1970-an dengan inisiatif yang diambil oleh sekumpulan masyarakat Islam untuk melibatkan diri dalam dunia politik, sebagai satu pendekatan yang lebih praktikal dan berkesan setelah menyedari peluang yang mungkin wujud dalam proses politik dan demokrasi. Di Turki, penubuhan Milli Nizam Partisi pada Januari 1970 telah membolehkan tuntutan Islam dan budaya masyarakatnya terus dipertahankan selain meletakkan harapan untuk membina kembali kegemilangan institusi peradaban Islam melalui dasar pelbagai parti dan pengenalan kepada amalan politik yang lebih demokratik oleh sistem demokrasi Turki.

Gagasan pemikiran modenisasi secara Islam mula diperkenalkan kepada masyarakat yang meletakkan aspek moral, akhlak dan agama sebagai kerangka utama

pembangunan negara untuk membina identiti bangsa dan masyarakat Turki moden yang cemerlang. Wawasan ini juga turut menitikberatkan pencapaian masyarakat dalam pembangunan ekonomi, teknologi dan budaya sebagai tulang belakang yang dapat membawa Turki ke arah sebuah peradaban yang lebih maju dan membangun. *Milli Gorus* yang diperjuangkan oleh MNP, MSP, Refah, Fazilet dan Saadet menjadi alternatif kepada dasar sedia ada setelah melihat kegagalan demi kegagalan akibat dibelenggu oleh sistem dan program pembaratan yang didapati sering mengundang dilema dan menimbulkan kontroversi di kalangan masyarakat Islam di Turki.

Dalam proses politik semasa di Turki, Islam sentiasa menjadi faktor pencetus kebangkitan massa dalam usaha memartabatkan peradaban Islam sepetimana kejayaan yang pernah dicapai oleh bangsa Turki ketika menerajui kepimpinan Kerajaan Uthmaniyah. Sokongan masyarakat terhadap pertubuhan politik yang cenderung kepada Islam tidak hanya tertumpu kepada mesej dan gagasan yang dibawa oleh parti yang terlibat, bahkan juga keprihatinan parti tersebut terhadap kehendak semasa masyarakat yang inginkan perubahan, khususnya ke arah pemulihan prasarana sosial dan kestabilan ekonomi negara yang lebih baik. Masyarakat Turki juga yakin bahawa kumpulan yang berpegang kepada Islam boleh disandarkan kepercayaan untuk melaksanakan amanah mengurus negara dengan baik dan membawa keadilan kepada semua. Kepercayaan ini dibuktikan oleh mereka melalui peratusan undi yang diberikan kepada kumpulan Islamis setiap kali pilihan raya diadakan.

Parti-parti berhaluan Islam yang muncul silih berganti telah memperlihatkan kematangan mereka dalam memahami situasi politik semasa dan dasar perlembagaan negara. Sikap pragmatis mereka dalam mengenengahkan isu berkaitan agama dan pembangunan masyarakat merupakan simbolik kepada kejayaan Islam dalam proses

demokrasi di Turki sepanjang tahun 1970 sehingga tahun 2003. Namun begitu, kemunculan parti politik berhaluan Islam sering menimbulkan keresahan di kalangan pihak berkuasa kerana dikatakan mampu menggugat perlembagaan sedia ada negara tersebut, yang selama ini sangat setia kepada dasar Kemalisme peninggalan Ataturk. Pertembungan sering berlaku di antara dua golongan ini. Satu golongan mendukung peradaban Barat sebagai asas pembinaan bangsa, pembangunan dan pemodenan Turki, manakala satu golongan lagi percaya bahawa Islam merupakan satu-satunya penyelesaian yang tepat dalam mengimbangi proses pembinaan peradaban masyarakat Turki. Keadaan ini sering menimbulkan konflik tajam yang berpanjangan di antara kedua kelompok ini.

Penyertaan aspirasi berunsurkan Islam dalam politik sehingga mampu menggugat kedudukan dasar sekular negara menyebabkan pihak pemerintah enggan menyerahkan tumpuk pemerintahan dan memberi laluan yang selesa kepada golongan ini demi menjaga status quo dan kepentingan mereka, walaupun kumpulan Islamis ini terbukti berjaya melalui proses demokrasi dan membuktikan kemampuan mereka mentadbir negara dengan baik. Kumpulan Islamis juga sering dilabelkan dengan gerakan fundamentalis agama yang turut disenaraikan di antara ancaman terbesar kepada dasar sekular dan kestabilan negara. Alasan ini digunakan oleh pemerintah tentera bagi mengukuhkan tindakan dan kuasa veto mereka untuk menyekat sebarang aktiviti politik dan peluang kumpulan Islamis dalam proses politik. Ini termasuk menggunakan mekanisme perlembagaan sebagai pemelihara dasar sekular Turki, perundangan, budaya dan sejarah untuk mempertahankan status dan kedudukan mereka dalam menentukan dasar, membuat tuntutan dan mencampuri isu berkaitan politik dan pemerintahan.

Fenomena kemunculan dan kejatuhan parti-parti politik seperti MNP, MSP, Refah dan Fazilet merupakan suatu cabaran kepada pertubuhan politik yang memperjuangkan

peradaban Islam dalam pembinaan peradaban bangsa untuk lebih peka dan berhati-hati terhadap dasar dalam negara. Beberapa siri rampasan kuasa dan campur tangan tentera dalam pentadbiran kerajaan membuktikan bahawa kumpulan elit pemerintah mampu berbuat apa sahaja melalui kuasa yang ada di tangan mereka untuk menyekat sebarang usaha memartabatkan peradaban Islam di kalangan masyarakat, walaupun tindakan ini mungkin boleh mengundang krisis terhadap kedaulatan demokrasi sejagat.

Walaupun kerajaan sering bertukar pucuk kepimpinan, namun kumpulan elit pemerintah mahupun kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat perlulah menyedari bahawa Islam masih merupakan elemen penting dalam masyarakat Turki. Penghapusan identiti Islam dalam masyarakat tidak mungkin menyelesaikan masalah yang wujud bahkan mungkin boleh menimbulkan konflik tajam dan ketegangan antara budaya yang rencam dalam masyarakat. Turki perlu menyedari keunikan yang wujud dalam masyarakatnya yang memiliki pelbagai budaya dan fahaman sebagai unsur yang dapat memperkayakan lagi tradisi masyarakatnya. Pengalaman Turki dalam beberapa krisis politik dan demokrasi, seharusnya menjadi pengiktibaran kepada pemerintah Turki untuk lebih matang menilai prospek masa depannya sebagai sebuah negara moden yang mendukung demokrasi. Kecacatan ini boleh melenyapkan hasrat Turki untuk menjadi salah satu anggota EU, di samping bebanan yang terpaksa ditanggungnya akibat konflik etnik dan wilayah yang melibatkan masalah dalaman dan luar negara.

Penglibatan Islam dalam proses demokrasi bergantung kepada sikap toleransi pemerintah terhadap unsur yang bersifat kelslaman ini. Kewujudan elemen Islam ini sebenarnya menentukan sifat demokrasi yang diamalkan di Turki, sama ada ia mampu dan berjaya berfungsi dengan baik ataupun sebaliknya. Politik yang bersifat kelslaman harus diberi ruang untuk membuktikan kemampuannya mentadbir negara dengan adil dan

baik demi kepentingan masyarakat dan bukannya sebagai satu sistem yang bersifat autokratik. Unsur dan identiti Islam yang wujud perlu diberi kebebasan dalam melaksanakan aktivitinya selaras dengan ruang yang diberikan oleh demokrasi. Tambahan pula, pihak pemerintah Turki perlu mengiktiraf suara rakyatnya yang terdiri daripada 99 peratus masyarakat Islam; suatu angka yang besar berbanding negara Islam yang lain. Pengiktirafan identiti ini merupakan suatu kemenangan kepada demokrasi di Turki. Untuk itu, penglibatan Islam dalam proses demokrasi harus dilihat sebagai suatu perubahan yang positif terhadap amalan demokrasi di Turki.

Isu sekular, Islam dan demokrasi merupakan tajuk perbincangan yang hangat diperkatakan setelah beberapa siri penutupan parti politik oleh mahkamah perlembagaan Turki. Namun begitu, buat masa ini demokrasi Turki masih memberi laluan kepada masyarakat Islam untuk tampil lebih aktif dalam arus perdana politik. Mesej-mesej Islam sejagat dalam pembangunan ekonomi, sosial dan budaya masih boleh dimainkan dan berperanan untuk menambat sokongan rakyat. Dasar terbuka, pendekatan akomodasi dan kelenturan Parti Pembangunan dan Keadilan (AKP) pimpinan Erdogan dan Abdullah Gul mungkin boleh dijadikan model untuk menerapkan dasar toleransi Islam dalam sistem dan suasana politik sesebuah negara. Kepimpinan masyarakat Islam kini telah menerima penyertaan Turki ke dalam EU dan hubungannya dengan Barat, dapat menyesuaikan pendekatan politik dan kemasyarakatan dengan beberapa prinsip sekular serta memperjuangkan sistem demokrasi negara. Tindakan ini telah dapat mengelakkan ketegangan yang berterusan antara dua golongan dalam menentukan haluan modenisasi dan pembangunan masyarakat. Perubahan kepimpinan politik semasa Turki yang lebih terbuka dan bertoleransi ini, telah membuktikan bahawa pertembungan di antara dua budaya yang berbeza tidak semestinya boleh mengundang konflik. Oleh itu, teori Samuel P. Huntington dalam konflik pertembungan peradaban tidak selalunya benar.

Turki secara praktisnya masih mengekalkan dasar sekular dan komitmennya dengan Barat, dan dalam masa yang sama Islam tetap menjadi amalan masyarakatnya. Ini kerana bagi masyarakat Turki, hanya Islam sahajalah jalan penyelesaian terbaik yang dapat mengatasi segala permasalahan harian mereka dan mempertingkatkan peradaban masyarakat Turki sebagai bangsa yang berdaulat, maju dan cemerlang. Walaupun perkataan Islam disingkirkan dalam perlembagaan republik tersebut, namun masyarakat Islam masih berpeluang mengamalkan Islam dan budayanya dalam bentuk peribadi. Parti politik berhaluan Islam pula masih mempunyai peluang yang cerah dalam sistem demokrasi selagi kebebasan yang termaktub dalam sistem tersebut diamalkan dalam erti kata sebenar. Namun begitu, sesebuah parti politik perlu peka terhadap lunas perlembagaan dan dasar negara. Kesinambungan aspirasi politik berhaluan Islam bergantung kepada kebijaksanaannya menangani krisis berkaitan isu agama dalam kehidupan masyarakat awam dan politik, serta kemampuannya melaksanakan tanggungjawab terhadap rakyat bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa masyarakat tempatan.